



KETIGA-TIGA peserta badan beruniform UMS yang terlibat dalam kejohanan ini merakamkan gambar kenangan.

## Palapes UMS anjur Perlawan Persahabatan Antara Badan Beruniform

UB 11 OS 2012 A14

**KOTAKINABALU:** Palapes Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Perlawan Persahabatan Antara Badan Beruniform Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini. Perlawan persahabatan ini berlangsung selama sehari sehari bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Perlawan persahabatan ini melibatkan tiga badan beruniform UMS iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) dan Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa). Sispa buat kali pertamanya mengikuti kejohanan Perlawan Persahabatan Antara Badan Beruniform ini.

Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah bolasepak, bola jaring dan bola tampar. Pasukan Palapes telah menghantar tiga pasukan bagi bola sepak

, dua pasukan bola jaring dan dua pasukan bola tampar, manakala pasukan Suksis menghantar dua pasukan bola sepak, dua pasukan bola jaring dan dua pasukan bola tampar manakala pasukan Sispa telah menghantar satu pasukan bola sepak, dua pasukan bola jaring dan dua pasukan bola tampar.

Secara keseluruhan peserta yang terlibat seramai 210 orang kadet. Johan bagi bola sepak disandang oleh pasukan Palapes A, naib johan bagi bola sepak disandang oleh Palapes B dan tempat ketiga disandang oleh pasukan Sispa.

Bagi permainan bola jaring, Johan disandang oleh pasukan Palapes A, naib johan disandang oleh Suksis A dan tempat ketiga disandang oleh palapes B.

Bagi acara bola tampar, johan disandang oleh Suksis A, naib johan disandang oleh palapes A dan tempat ketiga disandang oleh pasukan

Suksis B.

Johan keseluruhan dalam semua acara yang dipertandingkan telah dimenangi oleh badan beruniform Palapes UMS, naib johan badan beruniform Suksis UMS dan tempat ketiga badan beruniform Sispa.

Tema bagi kejohanan kali ini berfokuskan kepada "Sihat, Cergas dan Berketrampilan". Majlis penutupan kejohanan kali ini, telah dirasmikan oleh Mejar Mohd Sapi Bin Yacob iaitu ketua jurulatih Palapes UMS. Kejohanan ini membuktikan setiap badan beruniform mampu menganjurkan aktiviti sukan bagi tujuan kesihatan di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara badan beruniform lain.

Penganjuran seperti ini perlu diadakan setiap tahun dan menjadi salah satu kejohanan yang wajib untuk badan beruniform di UMS.



WAKIL juara acara bolasepak lelaki menerima hadiah.



JUARA acara bola jaring, pasukan Palapes UMS.



PARA peserta yang terlibat dalam perbarisan penutupan kejohanan.



PARA peserta bergambar bersama ketua jurulatih pasukan Palapes UMS, Mejar Mohd Sapi bin Yaacob.